

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**

**TARIKH : 18 MAC 2024 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Sivaraj A/L Chandran** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian terhadap pemilik atau pemandu kendaraan berat yang menyebabkan peningkatan kemalangan jalan raya pada tahun lalu yang melibatkan kendaraan berat dan telah meragut nyawa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) amat memandang serius terhadap isu pemanduan kenderaan secara berbahaya yang bukan hanya melibatkan kenderaan berat sahaja, malah semua kenderaan sehingga boleh menyebabkan kemalangan, kecederaan atau meragut nyawa pengguna jalan raya. Mana-mana individu yang bertanggungjawab boleh dikenakan hukuman yang berat di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat [Akta 715].
2. Antara tindakan undang-undang yang akan diambil terhadap individu yang memandu secara melulu atau membahayakan sehingga menyebabkan kematian adalah seperti di dalam **Seksyen 41, Akta 333** yang mana telah menetapkan hukuman penjara selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit. Bagi sabitan kali kedua atau kali kemudian, penjara selama tempoh tidak kurang daripada sepuluh tahun dan tidak lebih daripada lima belas tahun dan denda tidak kurang daripada lima puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit.
3. Dalam pada itu, Kementerian Pengangkutan melalui agensinya Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa melaksanakan kajian dari semasa ke semasa berhubung mekanisme penguatkuasaan yang terbaik bagi menangani isu kenderaan berat yang tidak mematuhi peraturan sehingga membahayakan pengguna jalan raya. Salah satu tindakan utama yang dilaksanakan bagi menangani isu ini adalah dengan menggiatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) melibatkan peraturan had muatan kenderaan dan had laju bagi kenderaan berat. Selain mengoperasikan 53 buah Stesen Penguatkuasa (atau stesen timbang) di seluruh negara, pihak JPJ juga turut dibekalkan dengan 75 unit alat timbang mudah alih bagi tujuan penguatkuasaan tersebut.

**NO. SOALAN: 43**

4. Sepanjang tempoh antara tahun 2016 sehingga September 2023, sejumlah 65,221 notis saman telah dikeluarkan melibatkan kesalahan muatan bahaya dan lebih muatan.
5. Di samping itu, Kementerian Pengangkutan bersama Kementerian Kerja Raya, sedang dalam proses akhir untuk membangunkan sistem "*High Speed - Weigh in Motion*" atau HS-WIM. Menerusi penggunaan sistem HS-WIM, aktiviti penguatkuasaan kenderaan berat boleh dilaksanakan secara masa sebenar atau automatik tanpa memerlukan kenderaan tersebut perlu berhenti untuk ditimbang.

Sekian, terima kasih.